

## Pembentangan semula Bajet 2023

# Kerajaan dijangka tumpu usaha tambah hasil

**Kuala Lumpur:** Tumpuan terhadap Bajet 2023 yang akan dibentangkan semula 24 Februari nanti, akan terarah kepada sama ada belanjawan itu akan menyaksikan banyak pembaharuan dari segi dasar atau hanya meneruskan sebahagian besar dasar kerajaan terdahulu.

Antara tumpuan adalah usaha kerajaan untuk menambah hasil, dengan kebanyakan penganalisis tidak menolak kemungkinan ke-

perluan memperkenalkan cukai baharu, mengekalkan Cukai Makmur, malah mengembalikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Pensyarah Kanan Putra Business School, Prof Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata kerajaan perlu mencari hasil tambahan, sama ada mengekalkan Cukai Makmur atau melaksanakan semula GST yang ditamatkan pada 2018.

"Perkenalkan GST akan membuat kerajaan amat tidak popular, manakala Cukai Makmur hanya dikenakan ke atas syarikat yang mendapat keuntungan melebihi nilai ambang tertentu. Ia tidak akan membuatkan syarikat rugi, sekadar mengurangkan keuntungan.

"Kesan langsung Cukai Makmur juga tidak akan menjejaskan kemampanan perniagaan memandangkan ia membabitkan syarikat besar yang cukup stabil," katanya menambah, pilihan lain ialah memastikan tiada lagi ketirisan, pembaziran dan wang keluar akibat rasuah.

"Penjimatan itu akan membolehkan hasil sedia ada cukup untuk perbelanjaan yang dirancang, tanpa perlu memikirkan sumber hasil baharu seperti GST atau Cukai Makmur. Selain itu, mungkin juga tiada projek mega, tetapi lebih kepada pembangunan infrastruktur yang asas kepada rakyat.

"Dasar mesra pelabur dijangka dilaksanakan dan dasar menangani kos sara hidup akan menjadi agenda utama. Subsidi bersasar semestinya akan dilaksanakan, tetapi akan ada juga subsidi pukal kekal seperti tarif elektrik untuk pengguna isi ru-

mah," katanya.

Bagi Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, dasar berbentuk reformasi struktur perlu diperkenalkan segera seperti mekanisme subsidi bersasar, sistem cukai lebih adil dan bantuan tunai langsung yang lebih menyeluruh.



Ahmed Razman

"Strategi baharu untuk menarik pelaburan langsung asing dan juga merangsang kembali pelaburan swasta, perlu digubal segera. Kapasiti produktif negara juga perlu ditingkatkan, selain merencana strategi pendidikan dan kesihatan lebih baik dalam mendepani ekonomi pasca pandemik," katanya.

Beliau berkata, seperti yang terkandung dalam Bajet Mini 2023 pada 20 Disember lalu, pembentangan semula belanjawan tahun depan dijangka bertumpu kepada isu berkaitan ekonomi rakyat, terutama kos sara hidup dan harga barang secara keseluruhan yang pada ketika ini naik dengan mendadak.

### Kadar kemiskinan tinggi

"Isu harga barangan asas, yang mana rakyat terpaksa membeli walaupun harga sudah melam-

bung tinggi seperti ayam dan telur, belum ada formula tuntas dan menyeluruh untuk diatasi. Kadar kemiskinan masih lagi tinggi, terutamanya miskin tegar.

"Kesenjangan agihan pendapatan dan harta semakin melebar; simpanan hari tua rakyat sudah tiada. Tingkat pendapatan sangat rendah jika dibandingkan dengan kos sara hidup yang naik mendadak," katanya.

Beliau menambah, persekitaran perniagaan juga masih lambat dan walaupun pelaburan serta perdagangan masih lagi baik, pelaburan berkualiti sangat rendah, selain isu ramai graduan tidak mendapat pekerjaan setimpal kelayakan dan peluang pekerjaan secara keseluruhan juga masih kurang.

"Sektor-sektor berkait rapat dengan rakyat seperti perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan juga sektor tidak formal masih lagi tersempit dan belum dapat pulih sepenuhnya. Satu lagi aspek penting berkaitan ekonomi rakyat adalah isu alam sekitar.

"Hakikatnya, tanpa ada pelaburan strategik dan fokus kepada aktiviti serta perniagaan rakyat, seperti model ekonomi kitaran yang baik, juga pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui (RE) serta projek infrastruktur awam yang baik, ekonomi dan kehidupan rakyat akan terjejas," katanya.